

03 SEP 2001

Dewan-Bubar

DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK DIBUBARKAN BAGI PILIHAN RAYA KE-8

KUCHING, 3 Sept (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Sarawak dibubarkan hari ini untuk membolehkan pilihan raya negeri ke-8 diadakan.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud ketika mengumumkan demikian berkata Yang Dipertua Negeri Tun Abang Haji Muhammad Salahuddin Abang Barieng memperkenankan pembubaran dewan yang mempunyai sejumlah 62 anggota itu.

Abdul Taib mengumumkan pembubaran dewan itu yang tamat tempohnya pada 18 Nov akan datang pada persidangan media di pejabatnya selepas mengadakan pertemuan dengan Yang Dipertua Negeri di Astana Negeri selama kira-kira satu jam.

Pada pertemuan itu Taib diiringi oleh Peguam Besar Negeri Datuk J. C Fong dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Haji Abdul Aziz Hussain.

Abdul Taib berkata Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Awang Asfia Awang Nassar akan dimaklumkan mengenai keputusan pembubaran dewan itu.

Abdul Taib berkata Setiausaha dewan akan memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengenainya dan SPR akan mengadakan pilihan raya negeri dalam tempoh 60 hari ini.

Terdapat 861,377 pengundi berdaftar di Sarawak.

"Saya rasa rakyat telahpun mendapat cukup banyak masa untuk merenungkan mengenai soal pilihan raya... tiada apa-apa yang memeranjatkan mereka lagi," kata Taib, yang juga Pengerusi BN Negeri dan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), parti komponen utama BN di Sarawak.

Beliau bagaimanapun menasihati rakyat supaya bersama-sama dengan kerajaan menjaga tradisi perjalanan pilihan raya di negeri ini yang diadakan dalam suasana aman dan lancar.

"Pilihan raya bukanlah satu masa hendak bergaduh, bahkan ia memberi kita peluang untuk mengemukakan kepada rakyat segala maklumat yang boleh membantu mereka mengambil keputusan yang sebaik-baiknya," katanya.

Dua Timbalan Ketua Menteri -- Tan Sri George Chan, yang juga Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), dan Tan Sri Alfred Jabu, Timbalan Presiden PBB -- serta Presiden Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) Datuk Amar James Wong dan Ketua Penerangan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Datuk Dr James Jemut Masing hadir pada persidangan berita itu.

"Saya sendiri memanglah yakin bahawa sudah menjadi cara kita di Sarawak ini untuk terus bersikap aman, tenang dalam masa pilihan raya walaupun ada demam kerana ini akan membolehkan rakyat di mana-manapun menjalankan hak mereka mengundi dengan penuh keyakinan," katanya.

BN menguasai 58 kerusi dalam dewan undangan negeri yang dibubarkan 77 hari sebelum mandatnya berakhir itu. Tiga lagi kerusi diduduki oleh wakil bebas dan satu lagi diwakili DAP.

Ditanya mengenai manifesto BN bagi menghadapi pilihan raya, beliau berkata: "Manifesto itu akan disiapkan sejurus sebeum penamaan calon, saya tidak tahu bila penamaan calon akan diadakan."

"Tema kami bagi pilihan raya ini senang sahaja, kami mahu meneruskan segala perkara baik yang telah kami jalankan dan memastikan bahawa rakyat bersedia untuk meningkatkan usaha menghadapi perubahan kepada ekonomi baru sebagaimana yang dijangkakan dari tempoh Rancangan Malaysia Kelapan sehingga tahun 2020," katanya.

Beliau berkata manifesto itu yang bersandarkan kepada dasar BN di peringkat negara akan memberi penekanan yang lebih jelas mengenai cara menyediakan masyarakat Sarawak untuk mencapai pembangunan ekonomi baru yang

berasaskan penggunaan yang bertambah dalam bidang teknologi tinggi.

Mengenai calon-calon BN, beliau berkata selain mengemukakan calon-calon yang mempunyai hubungan akar umbi, BN ingin mempertingkatkan kualiti calon-calonnya.

Ini bagi membolehkan kerajaan pada keseluruhannya membincangkan masalah dan isu baru sesuai dengan aliran zaman dan pertukaran kepada era ekonomi baru atau era yang menggunakan ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi, katanya.

Ketika ditanya mengenai muka baru yang akan dicalonkan oleh BN, beliau berkata ia akan menggambarkan keseimbangan yang baik. Beliau berjanji akan menghuraikan lebih lanjut mengenai mereka dalam beberapa hari lagi.

Kepada satu soalan lain, beliau berkata beliau boleh dikatakan sudah membuat keputusan mengenai calon yang telah dibincangkannya dengan Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya sama ada terdapat apa-apa halangan untuk BN menyapu bersih kerusi yang akan dipertandingkan, Taib berkata: "Saya tidak mahu membuat kenyataan yang boleh dianggap sebagai ramalan tentang kemenangan 100 peratus tetapi saya rasa kita mempunyai alasan untuk mengharapakan kemenangan itu."

"Saya percaya rakyat kita mementingkan soal pembangunan kerana mereka tahu mereka memilih kerajaan kita selama ini kerana percaya kerajaan kita boleh mengisi harapan mereka walaupun tidak 100 peratus tetapi secara yang dapat mengubah nasib mereka," katanya.

Katanya, rakyat dapat melihat perubahan itu dan tahu bahawa kemajuana itu perlu dipertingkat lagi kerana harapan mereka yang semakin meningkat.

"Keadaan dalam negeri Sarawak telah jauh berubah, banyak tempat yang boleh dihampiri dengan cara-cara pengangkutan yang baik dan sistem komunikasi pun baik..." katanya.

Ketika ditanya sama ada BN Sarawak akan meminta Umno mengambil tindakan terhadap mana-mana anggotanya yang bertanding sebagai calon bebas pada pilihan raya negeri akan datang, Taib berkata beliau percaya Umno sudah cukup sedar akan tanggungjawabnya.

Beliau berkata mengikut peraturan Umno akan secara automatik memecat mana-mana anggotanya yang bertanding menentang calon BN bukan sahaja di Sarawak tetapi di mana-mana juga di negara ini.

"Tetapi masalah kita di sini, saya rasa bukan dalam bentuk itu tetapi lebih kepada masalah mereka yang cuba memberi gambaran luar kononnya dirinya orang Umno sedangkan pada hakikatnya tidak begitu," kata beliau.

-- BERNAMA

TM AZZ NMO